

# Lapan mahasiswa AS masuk Felda

Sinar (Kuantan) Kaban 15/4/11 ms pg

**FELDA LEPAR HILIR DUA** - Lapan mahasiswa dari Northern Illinois Universiti, Amerika Syarikat berkampung di sini selama seminggu bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu yang mereka pelajari.

Ketua Penyelaras Program Bahasa Melayu Untuk Pelajar Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi berkata, mereka akan mempelajari Bahasa Melayu secara Intensif di UMP dan akan menjadi anak angkat kepada beberapa keluarga di sini bagi memantapkan penguasaan Bahasa Melayu mereka.

Menurutnya, selama seminggu ditempatkan bersama penduduk kampung, mereka akan mempelajari Bahasa Melayu dari segi komunikasi autentik.

"Komunikasi autentik ini adalah bahasa harian yang biasa



■ Pelajar AS (berdiri, belakang) bergambar kenangan bersama penduduk dan ibu angkat masing-masing.

sa kita gunakan seharian. Bahasa ini adalah bukan Bahasa Melayu standard di mana kebanyakan daripada kita menggunakannya dalam kehidupan seharian.

"Mahasiswa ini tidak dibenarkan bercakap dalam bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan keluarga angkat dan se-

gala penjelasan mengenai sesuatu perkataan yang tidak difahami akan dibuat melalui perbuatan sehingga mereka faham," katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan, dengan tinggal bersama orang kampung, mahasiswa ini akan menghadapi suasana sebenar cara serta budaya penduduk di

sini secara tidak formal.

Seorang mahasiswa, Colleen Grey, 25, berkata dia sememangnya teruja berjumpa dengan keluarga angkat di sini dan memahami gaya hidup penduduk.

Menurutnya, segala pelajaran asas yang dipelajarinya selama ini akan dibuktikan melalui corak

kehidupan sebenar.

"Bagi saya Bahasa Melayu ini unik dan mudah difahami serta tidak sabar untuk menjalani kehidupan sebagai orang kampung di sini," katanya yang tidak sabar belajar menjahit bersama ibu angkatnya Rokiah Abdul Rapor, 48.